

Hapuskan pengaruh Pas di Terengganu

UM 2 D JUN 2007
KUALA LUMPUR 19 Jun
- UMNO perlu menghapuskan pengaruh Pas di Terengganu untuk memastikan parti pembangkang itu tidak dapat menyebarkan pengaruh ke negeri-negeri lain.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Idris Jusuh berkata, kebanyakan pemimpin-pemimpin kanan parti pembangkang tersebut berada di negeri itu.

Tambahnya, di Terengganu bukan sahaja ada Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tetapi juga terdapat Naib Presiden, Pengerusi Dewan Ulama dan Ketua Dewan Muslimat

Pan.
"Kalau kita hendak menghapuskan pengaruh Pas

ini, datanglah beramai-ramai ke negeri Terengganu memandangkan di sini-lah lubang pemimpin-pemimpin kanan parti pembangkang tersebut.

"Saya pasti sekiranya pengaruh Pas di Terengganu dapat dihapuskan, maka negeri-negeri lain juga akan selamat dari ancaman pengaruh parti pembangkang tersebut," katanya

Beliau membangkitkan perkara itu ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Idris memberitahu, pada masa ini satu gelombang baru sedang melanda

Terengganu untuk mengembalikan semula teraju kepimpinan kerajaan negeri kepada Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, gelombang baru itu ialah Gelombang Biru yang kini mendapat sokongan dari rakyat negeri tersebut.

"Gelombang Biru ini semakin besar setiap hari dan saya percaya ia mampu untuk memberkakan kejayaan kepada UMNO," katanya.

Beliau menegaskan, bagi membalas jasa Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, UMNO Terengganu akan memastikan negeri itu dirampas semula dari Pas pada pilihan raya umum akan datang.